



PETA KONSEP

TINGKATAN 5

Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia

Malaysia dalam Isu Global Kontemporari

- Penyalahgunaan dadah
- Malaysia memerangi bahaya penyalahgunaan dadah melalui:
- International Drug Enforcement Conference – IDEC (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa).
 - International Criminal Police Organization – INTERPOL (Polis Antarabangsa).
 - Disuarakan dalam forum PBB.

Pertindihan sempadan

- Pulau Batu Putih melibatkan Malaysia dengan Singapura.
- Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dengan Indonesia.
- Kepulauan Spratly pula melibatkan China, Vietnam, Brunei, Filipina dan Malaysia.

- Kempen antiminyak sawit
- Langkah Malaysia mengatasi isu tersebut melalui:
- Pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO).
 - Kempen secara berterusan.
 - Mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak tahun 2019.

Penyakit berjangkit

- Langkah Malaysia mengatasi penyakit Acquired Immune Deficiency Syndrome – AIDS melalui:
- Pemeriksaan kesihatan secara berterusan dan memberikan rawatan kepada mangsa.
 - Mendukung hasrat PBB untuk menjadikan dunia bebas AIDS pada tahun 2030 melalui pelaksanaan National Strategic Plan for Ending AIDS – NSPEA.

Pemerdagangan orang

Langkah Malaysia mengatasi isu tersebut melalui:

- Undang-undang dikuatkuasakan menerusi Konvensyen PBB.
- Menubuhkan Council For Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling Migrants–MAPO.
- Menguatkuasakan Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007–ATIPSOM 2007.
- Mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010–2015).
- Menjalankan rundingan dengan negara luar, penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan.

Peranan Malaysia dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa

- Meluaskan pasaran ekonomi – Malaysia terlibat sepenuhnya dalam AFTA.
- Dominasi ekonomi negara maju – Malaysia bersuara agar diberikan layanan yang saksama dalam APEC.
- Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga – Kerjasama ini bertujuan untuk mendapatkan keuntungan bersama apabila negara jiran saling membantu bagi memajukan kawasan yang terlibat.
- Menangani kemelesetan ekonomi – kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia menghadapi kemelesetan akibat spekulasi mata wang.
- Mengantarabangsakan Sistem Kewangan Islam – Sistem kewangan yang berlandaskan syarak dan menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional.

Pelibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan

- Antara NGO yang membantu Palestin ialah Aman Palestin, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Cinta Gaza Malaysia (CGM) dan Muslim Care Malaysia.
- Antara NGO yang terlibat membantu Syria ialah Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare), Cinta Syria Malaysia (CSM) dan Global Peace Mission (GPM).
- Antara NGO yang terlibat dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka ialah Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Yayasan Restu.

Usaha Mengekalkan Kelestarian Global

- Pengisytiharan Deklarasi Langkawi.
- Menyertai Sidang Kemuncak Bumi.
- Malaysia merupakan antara negara yang membangkitkan isu Antartika.

Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan

Komuniti ASEAN – Merupakan satu langkah menyeluruh, strategik dan bersifat memandang ke hadapan serta mencerminkan aspirasi ASEAN.

Keselamatan makanan – Antara isu ialah berlaku kenaikan harga barang yang keterluuan dan bekalan barang terhad kerana masalah pengeluaran, bencana alam atau pencemaran makanan.

Alam sekitar – Isu jerebu perlu ditangani oleh Malaysia dan negara lain di Asia Tenggara.

Zon Bebas Nuklear – Malaysia menandatangani Southeast Asian Nuclear-Weapon-Free-Zon (SEANWFZ) untuk menekankan agar negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear.

Kerelevan organisasi antarabangsa – Malaysia memandang serius terhadap pertubuhan dunia seperti PBB dan OIC kerana tidak mampu berfungsi dengan baik dalam menjayakan matlamatnya.

Hak Asasi Manusia, Pelarian dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) – Malaysia menyedari bahawa isu tersebut saling berkait dan penting pada masa hadapan.